

**KESALAHAN-KESALAHAN  
DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997  
(AKTA 575)**

Meminta/menerima atau menawar/memberi suapan

**Sek. 10 (a), (b) APR 1997**

**Sek. 11(a), (b) APR 1997**

Penjara: Minima 14 hari dan maksima 20 tahun; dan

Denda: Lima kali nilai suapan atau RM10,000 mana lebih tinggi

Dengan disadari dan mengetahui mengemukakan akaun, resit atau dokumen mengandungi butiran matan palsu/pernyataan palsu dengan niat memperdaya/mengelirukan prinsipal/majikan

**Sek. 11(c) APR 1997**

Penjara: Minima 14 hari dan maksima 20 tahun; dan

Denda: Lima kali nilai suapan atau RM10,000 mana lebih tinggi

Secara rasuah menawarkan suapan atau meminta suapan atau menyetujui terima suapan dalam penarikan balik tender

**Sek. 13 APR 1997**

Penjara: Minima 14 hari dan maksima 20 tahun; dan

Denda: Lima kali nilai suapan atau RM10,000 mana lebih tinggi



**KESALAHAN-KESALAHAN  
DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997  
(AKTA 575)**

Menyogok seseorang pegawai badan awam atau seseorang pegawai awam meminta/menyetujui terima suapan supaya:

a. mengundi/tidak mengundi dalam mesyuarat badan awam itu sama ada menyogok atau menentang apa-apa langkah atau ketetapan;

b. melaksanakan/tidak melaksanakan membantu dalam mendapatkan, mempercepatkan, melambatkan merintang atau menghalang pelaksanaan perbuatan rasmi;

c. membantu dalam mendapatkan/menghalang pelupusan apa-apa undi/pemberian apa-apa kontrak atau faedah untuk mana-mana orang; atau

d. pegawai itu memberi/tidak memberi sokongan atau tentangan atas sifatnya yang sedemikian;

**adalah melakukan suatu kesalahan walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang**

**Sek. 14(a)(b)(c)(d) APR 1997**

Penjara: Minima 14 hari dan maksima 20 tahun; dan

Denda: Lima kali nilai suapan atau RM10,000 mana lebih tinggi



**KESALAHAN-KESALAHAN  
DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997  
(AKTA 575)**

Pegawai badan awam menggunakan jawatan atau kedudukan untuk mendapatkan suapan

**Sek. 15 APR 1997**

Penjara: Minima 14 hari dan maksima 20 tahun; dan

Denda: Lima kali nilai suapan atau RM10,000 mana lebih tinggi

Pegawai badan awam gagal melaporkan pemberian, janji atau tawaran suapan

**Sek. 17(1)(2) APR 1997**

Penjara: Tidak lebih 10 tahun; atau

Denda: Tidak lebih RM100,000 atau kedua-duanya sekali

Mana-mana orang gagal melaporkan daripadanya suapan diminta atau diperoleh atau suatu percubaan telah dibuat untuk memperoleh suapan tanpa alasan munasabah

**Sek. 17(3)(4) APR 1997**

Penjara: Tidak lebih 2 tahun; atau

Denda: Tidak lebih RM10,000 atau kedua-duanya sekali

Berurusan, menggunakan, memegang, menyembunyikan apa-apa harta atas suatu kesalahan di bawah seksyen 10, 11, 13, 14 dan 15 sama ada di dalam atau di luar Malaysia

**Sek. 18 APR 1997**

Penjara: Tidak lebih 7 tahun; atau

Denda: Tidak lebih RM50,000 atau kedua-duanya sekali



**KESALAHAN-KESALAHAN  
DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997  
(AKTA 575)**

Membuat pernyataan palsu/mengelirukan/tidak selaras kepada pegawai badan atau Pendakwa Raya

**Sek. 19 APR 1997**

Penjara: Tidak lebih 10 tahun; atau

Denda: Tidak lebih RM100,000 atau kedua-duanya sekali

Pendedahan aduan yang dibuat kepada BPR selain daripada orang yang berhak adalah menjadi kesalahan

**Sek. 21(4) APR 1997**

Penjara: Tidak lebih 2 tahun; atau

Denda: Tidak lebih RM10,000 atau kedua-duanya sekali

Menghalang tugas pegawai BPR

**Sek. 29 APR 1997**

Penjara: Tidak lebih 2 tahun; atau

Denda: Tidak lebih RM10,000 atau kedua-duanya sekali

Gagal memberi penjelasan memuaskan bagaimana memiliki lebih harta

**Sek. 32(3) APR 1997**

Penjara: Minima 14 hari dan maksima 20 tahun; atau

Denda: Lima kali nilai lebih harta atau RM10,000 mana lebih tinggi

Memberi maklumat palsu kepada BPR

**Sek. 53(3) APR 1997**

Penjara: Penjara tidak lebih 10 tahun dan juga boleh


Denda: Tidak lebih RM100,000



**BADAN PENCEGAH RASUAH MALAYSIA**



**BERSAMA KITA HAPUSKAN RASUAH**



#### **BADAN AWAM**

- Kerajaan Malaysia
- Kerajaan Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Berkanun
- Jabatan, perkhidmatan atau pengusahaan kerajaan Malaysia, Negeri atau pihak berkuasa tempatan
- Syarikat yang kuasa mengawalnya terletak pada (a), (b), (c) atau (d)
- Pertubuhan, kesatuan, organisasi atau badan yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah dalam Warta

#### **PEGAWAI BADAN AWAM**

- Anggota, pegawai pekerja atau pengkhidmat sesuatu badan awam
- Anggota pentadbiran
- Ahli Parlimen
- Ahli Dewan Undangan Negeri
- Mana-mana orang yang menerima apa-apa saraan daripada wang awam
- Jika perbadanan termasuklah orang yang diperbadankan sebagai perbadanan

#### **EJEN**

- Orang yang diambil bekerja oleh atau bertindak bagi seorang lain
- Pegawai badan awam atau pegawai yang berkhidmat di bawah mana-mana badan awam
- Pemegang amanah
- Pentadbir atau wasi harta pusaka seseorang yang sudah mati
- Subkontraktor
- Mana-mana orang yang diambil kerja atau bertindak bagi pemegang amanah, pentadbir atau wasi atau subkontraktor itu

#### **SAUDARA**

- Isteri atau suami
- Adik atau abang atau kakak
- Adik atau abang atau kakak isteri/suami
- Mana-mana ibu bapa dan nenek moyang atau keturunan sezuriat

BPR/BPM/CPn/40/11/UMC/2 8/2008(2)

### **SEKSYEN 2 AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997 (AKTA 575)**

#### **TAKRIF SUAPAN**

- Wang, derma, alang, pinjaman, fee, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- apa-apa bayaran, pelepasan, penilaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
- apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, seperti perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- apa-apa tawaran, akujanji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f) yang terdahulu.

**TAKRIF SUAPAN**

#### **'URUS NIAGA' TERMASUKLAH**

- Apa-apa belian, jualan, pinjaman, gadaian, gadaianji, lien, sandaran, kaveat, pindah milik, serahan, serahhak, peruntukan, deposit, pengambilan keluar, pemindahan antara akaun, atau perlanjutan kredit;
- apa-apa perwakilan atau pemberian surat kuasa wakil; dan
- apa-apa perbuatan yang menghasilkan apa-apa hak, kepentingan, hak milik atau keistimewaan, sama ada pada masa sekarang atau akan datang, atau sama ada terletak atau kontingen, dalam semua atau sebahagian daripada mana-mana harta yang diberikan kepada mana-mana orang.



**URUS NIAGA**